

Kerajaan darurat dibatalkan

Pilihanraya lebih awal diKelantan

17 FEB 1978

Oleh ZAHANY SULONG

KOTA BHARU, Ahad — Yang Dipertuan Agung, berkenan menarik balik kuatkuasa pemerintahan darurat di Kelantan mulai hari ini.

Pemangku Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad berkata dengan penarikan kuasa darurat, pilihanraya mungkin diadakan lebih awal di Kelantan, dari negeri lain.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika berucap kepada pemimpin-pemimpin Umno Kelantan di Dewan Perniagaan China di sini petang ini.

Menurut Dato Seri Dr. Mahathir, semua Exco Pas seramai lima orang telah meletakkan jawatan selepas undang-undang darurat diisytiharkan.

Bagaimanapun sama ada pilihanraya itu mahu diadakan atau tidak dengan kadar yang awal dan tarikh yang sebenar ia akan diadakan kini terserah kepada budi-bicara Menteri Besar sendiri.

Dato Seri Dr. Mahathir mengumumkan demikian dalam satu perjumpaan dengan ahli-ahli Umno di Dewan Perniagaan China di sini petang ini.

Turut hadir di majlis pengumuman perjumpaan tersebut ialah Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah dan Setiausaha Agung Barisan Nasional, Encik Abdul Ghafar Baba.

Dato Seri Dr. Mahathir juga menegaskan bahawa Umno bersedia bekerjasama dengan parti Berjasa pimpinan Datuk Mohamed Nasir. Beliau juga membayangkan kemungkinan Berjasa diterima masuk ke dalam Barisan Nasional.

"Bagaimanapun semuanya terserah kepada Majlis Tertinggi Barisan Nasional dan saya sendiri tidak dapat memberi kata-putus dalam soal sama ada Berjasa dapat

Dato Seri Dr. Mahathir yang juga Naib Presiden Umno berkata, tindakan menarik balik kuasa-kuasa memerintah secara darurat di Kelantan diambil setelah Kerajaan mendapati matlamatnya untuk mengembalikan keamanan dan ketenteraman di sini telah tercapai.

Katanya, kerajaan pusat sentiasa menumpukan perhatian kepada Negeri Kelantan sebaik saja darurat diisytiharkan berikutan rusuhan yang meletus ekoran dari krisis politik yang timbul selepas usaha-usaha Pas hendak menyingkir Menteri Besar, Datuk Haji Mohamed Nasir.

"Setelah mengkaji dengan mendalam, kita berpendapat bahawa pemerintahan darurat tidak perlu lagi dikekalkan di Kelantan kerana keadaan telah tenang seperti sediakala. Maka Kerajaan pusat telah menasihati Seri Paduka supaya pemerintahan darurat ditamatkan hari ini," katanya.

?

'Umno
sanggup
k-sama
dengan
sesiapa
saja'

Dengan penarikan balik kuasa darurat, Kerajaan Negeri Kelantan sekarang di perintah oleh Menteri Besar dan tiga orang ahli Exco sahaja, kesemuanya dari Umno.

"Dengan penarikan balik kuasa-kuasa darurat itu, kuasa memerintah negeri Kelantan sekarang diserahkan semula secara mutlak kepada Menteri Besar Datuk Haji Mohamed Nasir," tegas Dr. Mahathir.

Dr. Mahathir juga berkata dengan penarikan balik kuasa-kuasa itu, maka kuasa Pengarah Kerajaan Negeri, Encik Hashim Aman juga digurkan mulai hari ini.

Dr. Mahathir bagaimanapun berkata walaupun pemerintahan demokrasi telah dipulihkan di negeri Kelantan, perintah berkurung yang dikenakan dari pukul 1 pagi hingga 4 pagi dalam kawasan Lembaga Bandaran Kota Baharu dan Majlis Tempatan Kubang Krian masih diteruskan.

"Sama ada perintah berkurung itu akan ditarik balik atau tidak semuanya nanti terserah kepada Menteri Besar selaku Pengerusi Majlis Keselamatan Negeri," tegasnya.

Dato Seri Dr. Mahathir juga mengumumkan bahawa dengan penarikan balik kuasa-kuasa darurat itu pilihanraya Dewan Undangan Negeri Kelantan mungkin diadakan lebih awal dari negeri-negeri lain.

diterima atau tidak ke dalam Barisan," tegasnya.

Tercapai

Bellau berkata dengan penarikan balik kuasa darurat itu Kerajaan Negeri Kelantan sekarang diperintah oleh seorang Menteri Besar dan tiga orang ahli Exco sahaja. Kesemua ahli-ahli Exco itu terdiri dari wakil-wakil Umno.

Menurutnya, kesemua Exco Pas seramai lima orang telah meletakkan jawatan selepas undang-undang darurat diisytiharkan di negeri ini pada 11 November tahun lalu.

Katanya, menurut Perlembagaan Negeri Kelantan, Kerajaan hendaklah sekurang-kurangnya dianggotai oleh seorang Menteri Besar, seorang Timbalannya dan empat orang Exco.

"Sekarang terserahlah kepada Datuk Haji Mohamed Nasir untuk melantik seorang Timbalan Menteri Besar dan seorang lagi ahli Exco," katanya.

Katanya, setelah pemerintahan darurat ditamatkan maka bermakna kerajaan yang dipilih oleh rakyat berkuasa semula di negeri ini mulai hari ini.

Bagaimanapun keadaannya sudah berubah kerana Exco-Exco Pas telah berundur atas kehendak dan dorongan pucuk pimpinan parti itu.

"Dengan ketiadaan ahli-ahli Exco Pas itu maka bererti Pas tidak mempunyai kuasa lagi di negeri ini dan pihak-pihak lain juga tidak mempunyai kuasa kecuali Menteri Besar dan tiga orang ahli Exco dari Umno, tambahnya.

Menurut Dr. Mahathir sekiranya pilihanraya di Kelantan hendak diadakan lebih awal dari negeri-negeri lain Menteri Besar mempunyai dua pilihan iaitu sama ada meletakkan jawatannya atau menasihatkan Pemangku Raja

DARI MUKA 1

supaya Dewan Undangan Negeri dibubarkan.

Katanya, semasa wakil-wakil Pas mengemukakan undi tidak percaya kepada Datuk Haji Mohamed Nasir dulu, Menteri Besar itu juga mempunyai dua pilihan yang sama tetapi beliau (Menteri Besar) telah memilih menasihati Pemangku Raja supaya membubarkan dewan.

"Bagaimanapun kerana keadaan huru hara dan tidak berketentuan, maka keputusan yang diambil oleh Menteri Besar tidak dapat diambil oleh Pemangku Raja ketika itu dan darurat terpaksa diisytiharkan," katanya.

Dato Seri Dr. Mahathir juga menegaskan bahawa dengan penarikan balik kuasa-kuasa darurat itu membuktikan pemerintah tidak tamak dan tidak bertujuan untuk melihat Pas hancur terus.